


# MODUS OPERANDI TIPUAN



**P**enipu (*scammer*) ketika ini semakin licik dalam mengatur teknik tipuan (*scam*) hingga berjaya menipu mangsa dengan cara yang mudah. Penipuan menjadi lebih terperinci dan teratur seiring dengan kepesatan teknologi moden. Oleh itu, kita harus sentiasa berwaspada. Walaupun banyak peringatan dan pendedahan tentang kes penipuan dipaparkan di media cetak, media elektronik dan media sosial, tetapi masih banyak rakyat Malaysia yang menjadi mangsa. Antara bentuk penipuan siber yang menjadi topik perbualan hangat dalam kalangan rakyat Malaysia termasuklah penyamar bank, Tipuan Kasanova Afrika (*Casanova African Scam*), penipuan kes jenayah, penipuan Kata Laluan Sekali Guna atau *One-Time-Password* (OTP), penipuan meniru suara kenalan rapat, dan penipuan penculikan.

Penipuan berbentuk penyamar bank merupakan teknik penipuan siber yang rancak berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia. Kebiasaannya, penjenayah membuat panggilan telefon dan memperkenalkan diri mereka sebagai pegawai bank atau wakil Bank Negara Malaysia. Penipu akan memberitahu mangsa bahawa pengenalan diri mereka telah disalahgunakan atau kad bank

## Tipuan Kasanova Afrika menyasarkan wanita bujang sebagai mangsa. Penjenayah terdiri daripada lelaki Nigeria yang memasuki Malaysia sebagai pelajar di kolej swasta tempatan.

mereka telah digunakan. Mangsa diminta untuk memberikan maklumat sulit, antaranya termasuklah nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor kad bank, dan nombor Nilai Pengesahbetulan Kad atau *Card Verification Value* (CVV). Seterusnya, mangsa akan diminta untuk menandatangani sejumlah wang sebagai jaminan untuk penyiasatan kes tersebut. Modus operandi ini telah banyak menjerat mangsa yang tidak peka tentang keselamatan siber dan warga emas yang menjadi sasaran penjenayah.

Tipuan Kasanova Afrika menyasarkan wanita bujang sebagai mangsa. Penjenayah terdiri daripada lelaki Nigeria yang memasuki Malaysia sebagai pelajar di kolej swasta tempatan. Mereka akan menjalinkan hubungan dengan mangsa melalui media sosial dan hanya berkomunikasi secara maya atau melalui telefon. Penjenayah seboleh-bolehnya tidak mahu bertemu dengan mangsa. Mereka akan memberitahu mangsa bahawa mereka telah mengirim wang tunai atau hadiah mahal kepada mangsa, tetapi tersekat pada peringkat kastam, imigresen atau bank. Individu yang menyamar sebagai

pihak berkuasa akan menghubungi mangsa dan meminta wang dimasukkan ke dalam akaun bank peribadinya supaya wang tunai atau hadiah yang tersekat itu dapat dikeluarkan. Selepas menerima wang tersebut, penjenayah akan menghilangkan diri dan mangsa tidak akan menerima barang atau wang tunai yang dijanjikan.

Penipuan yang melibatkan kes jenayah adalah berkenaan dakwaan kes salah laku. Penipuan jenis ini cukup terkenal, namun masih ada yang menjadi mangsa. Lazimnya, penipu akan memanggil dan mengancam mangsa dengan mengatakan bahawa mangsa melakukan kesalahan yang melibatkan undang-undang atau mangsa terlibat dengan jenayah dan mereka telah didakwa di mahkamah. Sering kali, penjenayah akan mengatakan bahawa mangsa mempunyai saman yang belum dibayar, terlibat dengan jenayah pengubahan wang haram atau mempunyai perintah untuk menghadiri pengadilan. Mangsa akan diperdayakan dan diarahkan untuk membuat sejumlah bayaran kepada pihak peguam dengan kadar segera bagi mengelakkan tuntutan mahkamah dikenakan terhadap mangsa.

Kata Laluan Sekali Guna (OTP) merupakan maklumat yang sangat penting dalam transaksi bank. Jenis penipuan ini bermula dengan orang asing yang tiba-tiba menghantar pesanan kepada mangsa untuk menghantar OTP yang secara tidak sengaja dihantar kepada telefon bimbit mereka. Penjenayah akan mengatakan bahawa mereka telah memasukkan nombor OTP yang salah dan sedang menunggu kata laluan untuk menyelesaikan transaksi tersebut. Sekiranya anda menerima mesej yang mencurigakan seperti ini, anda harus menyekat kenalan tersebut kerana dikhuatiri anda akan kehilangan sejumlah wang daripada akaun bank. Sebaik-baiknya periksa akaun bank anda sekiranya terdapat transaksi yang dilakukan tanpa pengetahuan anda.

Dengan teknologi terkini, amatlah mudah bagi penjenayah untuk meniru suara orang lain. Penjenayah akan membuat panggilan telefon atau mengirim pesan suara yang suaranya kedengaran seperti suara kenalan rapat mangsa. Penipu akan berpura-pura sedang menghadapi masalah kewangan dan merayu mangsa membantunya. Oleh sebab sifat rakyat Malaysia yang sangat prihatin dengan masyarakat sekeliling lebih-lebih lagi apabila melibatkan keluarga, tidak mustahil mangsa mudah terpedaya.

Penipuan penculikan berlaku apabila mangsa menerima panggilan menyatakan bahawa anaknya telah diculik. Mangsa, terutamanya golongan ibu bapa akan menjadi takut setelah menerima panggilan sedemikian. Serangan emosi seperti inilah yang digunakan oleh penjenayah untuk mendapatkan wang daripada mangsa. Penjenayah akan membuat panggilan telefon secara rawak dan menuntut wang tebusan untuk membebaskan "tawanan". Sebenarnya, mereka tidak menculik sesiapa pun, hanyalah mengambil kesempatan terhadap ketakutan ibu bapa. Mereka juga akan menggunakan klip suara kanak-kanak yang menjerit dan menangis untuk meyakinkan ibu bapa bagi mendapatkan wang tebusan dengan segera.

Penipu akan sentiasa wujud dalam masyarakat tanpa mengira masa dan tempat. Kepesatan teknologi membolehkan penjenayah mengakses maklumat peribadi individu yang disasarkan hanya dengan beberapa klik. Untuk mengelakkan kerugian kewangan dan pencerobohan data yang tidak diingini, kita harus peka dan cakna tentang tingkah laku dalam talian dan luar talian yang mencurigakan. Walaupun kegiatan penipuan tidak dapat dihentikan secara menyeluruh, tetapi kita boleh mencegahnya dengan tidak memberikan maklumat yang berharga kepada orang yang tidak dikenali. <sup>dx</sup>

Profesor Madya Dr. Muhammad Rezal Dato' Kamel Ariffin ialah Pengarah Institut Penyelidikan Matematik (IPM), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Dr. Malathi Letchumanan ialah pegawai penyelidik di IPM, UPM.